

## BAB X

### SRJK(C) DAN KONTROVERSI SUQIU

Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia atau dengan ringkasnya Suqiu merupakan senarai agenda yang dikemukakan oleh 13 Hua Tuan dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-10.<sup>1</sup> Suqiu yang dilancarkan pada 16 Ogos 1999 menjadi kontroversi dan disifatkan sebagai mencabar kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan apabila hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera disentuh. Tuntutan berkenaan mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad yang menyifatkan Jawatankuasa Suqiu sebagai ekstremis kerana membuat tuntutan yang boleh menjelaskan keharmonian pelbagai kaum yang sedia wujud di negara ini sejak merdeka. Sepanjang kontroversi, agenda perkauman ditimbulkan dan bahang api perkauman ini disemarakkan. Perdebatan secara terbuka mengenai isu sensitif tersebut berlarutan sehingga menimbulkan kemarahan dan keresahan di kalangan rakyat berbilang keturunan.

---

<sup>1</sup> 11 Hua Tuan terdiri daripada Dewan Perhimpunan Cina Selangor, PPLPSCM, GPGSCM, Federation of Guangdong Associations of Malaysia, Federation of Guangxi Associations of Malaysia, Taiwan Graduates Alumni Association of Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaya, Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia, Federation of Sanjiang Associations of Malaysia, Centre for Malaysian Chinese Studies, dan Federation of Fuzhou Associations of Malaysia. Pada tahun 2000, dua lagi Hua Tuan menyertai Jawatankuasa Suqiu iaitu Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan dan Federation of Hokkien Associations of Malaysia.

## Latar Belakang Suqiu

Konsep Suqiu mula-mula diungkitkan oleh Dewan Perhimpunan Cina Selangor dan mendapat sokongan daripada Hua Tuan utama di Malaysia. Sejak mesyuarat pertama pada 8 Jun 1999, Jawatankuasa Suqiu telah bermesyuarat sebanyak 11 kali dan mengambil masa selama lebih dari dua bulan untuk meneliti, meminda dan mengubahsuai sebanyak 11 kali kandungannya.<sup>2</sup> Akhirnya Jawatankuasa Suqiu telah mencapai kata sepakat tentang kandungannya yang diumumkan pada 17 Ogos 1999.<sup>3</sup> Suqiu telah ditandatangani oleh 2095 buah Hua Tuan<sup>4</sup> dan telah diterima secara prinsip oleh Barisan Nasional dan Barisan Alternatif sebelum pilihan raya.

Suqiu pada keseluruhannya boleh dianggap sebagai satu dokumen berwawasan yang melangkah ke alaf abad ke-21. Dokumen ini amat berbeza daripada memorandum umum Hua Tuan yang biasanya meliputi isu-isu khas dan tertentu sahaja. Sebaliknya Suqiu ternyata lebih lengkap, menyeluruh dan bersifat futuristik. Sebagaimana yang diperjelaskan oleh Jawatankuasa Suqiu, ia bukan

<sup>2</sup> Sin Chew Jit Poh, 17 Ogos 1999.

<sup>3</sup> Ahli Jawatankuasa Suqiu terdiri daripada Pengerusi, Quek Suan Hiang (PPLPSCM), Naib Pengerusi, Tan Sri Ngan Ching Wen (Dewan Perhimpunan Cina Selangor), Naib Pengerusi, Mdm Chew Saw Eng, (Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia), Setiausaha, Ser Choon Ing (DPCS), Bendahari, Low Hing King (Nanyang University Alumni Association of Malaya), dan Juruaudit Dalaman, Chong Cher Koi (Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan).

<sup>4</sup> Bagaimanapun, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia, dua Hua Tuan yang berpengaruh hanya menyatakan mereka bersedia menerima tetapi enggan menurunkan tandatangan terhadap Suqiu atas alasan tidak setuju dengan cara dan waktu ia dikemukakan.

sahaja “merupakan suara rakyat komuniti Cina di abad baru ini” tetapi juga “merupakan satu wawasan untuk semua...beraspirasikan sebuah masyarakat Malaysia di abad ke 21 yang makmur, adil dan progresif”.<sup>5</sup>

Menurut Jawatankuasa Suqiu, asas tuntutan Suqiu adalah untuk mewujudkan perpaduan, demokrasi, keadilan, progresif dan persamaan bangsa Malaysia. Ia merangkumi satu spektrum luas yang menyentuh prinsip kepentingan nasional dan kesejagatan kaum di Malaysia. Keprihatinan Suqiu, dengan 83 itemnya dalam 17 kategori,<sup>6</sup> merangkumi perpaduan kebangsaan, reformasi institusi politik, hak asasi manusia, ekonomi dan pembangunan sosial, pendidikan, kepelbagaian kebudayaan, perlindungan alam sekitar, wanita, media, pekerja serta orang asli.<sup>7</sup>

Dalam bidang pendidikan, Jawatankuasa Suqiu telah menggesa kerajaan melaksanakan dasar pendidikan yang progresif dan liberal dengan meminda Akta

---

<sup>5</sup> Kenyataan Media Ser Choon Ing, Setiausaha Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, 12 Disember 2000.

<sup>6</sup> 17 agenda dalam Suqiu merangkumi (1) perpaduan nasional, (2) pengukuhan demokrasi berparlimen, (3) hak asasi dan penegakan keadilan, (4) penghapusan rasuah, (5) dasar ekonomi yang adil, (6) pengkajian semula dasar penswastaan, (7) dasar pendidikan yang terbuka, liberal dan progresif, (8) multiculturalism, (9) perlindungan alam sekitar, (10) pembangunan kampung baru, (11) hak perumahan untuk semua, (12) hak asasi wanita, (13) Media yang adil, (14) profesionalisme polis, (15) kebijakan sosial, (16) hak pekerja serta (17) hak orang asli.

<sup>7</sup> The Malaysian Chinese Organisations' Election Appeals, UCSCAM, UCSTAM, United Chinese School Alumni Association of Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaysia, Taiwan Graduates Alumni Association of Malaysia, Selangor Chinese Assembly Hall, Federation of Guangdong Association of Malaysia, Federation of Guangxi Association of Malaysia, Federation of Sanjiang Association of Malaysia, Federation of Fuzhou Association of Malaysia, dan Huazi Research Centre, 16 August 1999; Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, Kuala Lumpur, 16 Ogos 1999.

Pendidikan 1996 bagi menjamin penggunaan, pengajaran dan perkembangan bahasa ibunda semua komuniti etnik di negara ini. Suqiu juga menyeru kerajaan agar menambah bilangan SRJK(C) dan SRJK(T). Selain itu, kerajaan digesa supaya membatalkan Rancangan Sekolah Wawasan serta memberhentikan perlantikan guru-guru tanpa kelayakan formal dalam bahasa Cina untuk memegang jawatan pentadbiran tinggi di SRJK(C).<sup>8</sup>

Dari segi kelas bahasa ibunda di sekolah menengah kebangsaan pula, Suqiu menggesa kerajaan memasukkannya ke dalam kurikulum formal sekolah seandainya terdapat sekurang-kurangnya lima orang pelajar dari mana-mana kumpulan etnik. Suqiu juga meminta kerajaan mengagihkan peruntukan pendidikan, latihan guru, perancangan kurikulum, bahan pengajaran, kemudahan dan perkakasan yang asas yang mencukupi bagi sekolah-sekolah semua aliran bahasa. Suqiu turut meminta kerajaan menyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C) dan SRJK(T) serta mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama SMPC dan ijizah dari Universiti Nanyang dan universiti-universiti lain di China dan Taiwan.<sup>9</sup>

Berasaskan kepada tuntutan yang diketengahkan, Presiden MCA, Dr. Ling Liang Sik telah menilai Suqiu sebagai suatu dokumen yang “berlandaskan prinsip

---

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Ibid.

sejagat yang boleh diterima oleh semua kaum di negara ini”.<sup>10</sup> Naib Presiden KeADILan, Dr. Chandra Muzaffar turut menyokong pendapat ini kerana Suqiu “...reflect the concerns of the vast majority of Malaysians at this point in time.. the Chinese associations are articulating issues which are central to the present struggle for social justice and reform”.<sup>11</sup> Malah memetik kata Jawatankuasa Suqiu,

“Suqiu mendukung aspirasi untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, liberal, bertoleransi, progresif, adil, makmur dan penyayang, setimpal dengan semangat dalam Wawasan 2020 yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad”,<sup>12</sup>

Meskipun demikian, se perkara yang tidak dapat dipertikaikan ialah terdapat agenda dalam Suqiu yang menyentuh soal keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan serta dasar-dasar kerajaan yang menterjemah dan melaksanakan kehendak Perlembagaan

---

<sup>10</sup> Nazaruddin Shahari, “Tiada desakan TPM Kedua pemimpin Cina - Dr. Ling”, Utusan Malaysia, 24 September 1999.

<sup>11</sup> Media Statement by Dr. Chandra Muzaffar, Deputy President, Parti Keadilan Nasional, 24 September 1999.

<sup>12</sup> Kenyataan Media Jawatankuasa Suqiu, 22 Disember 2000.

Persekutuan tersebut.<sup>13</sup> Tujuh Perkara dikenal pasti telah mengusik sensitiviti kaum Melayu dan Bumiputera ialah:

1. Tindakan affirmatif harus bertujuan untuk memberi perlindungan dan peningkatan kepada golongan masyarakat yang lemah, tanpa mengira kepercayaan agama, laterbelakang sosial dan kaum.
2. Mengambil langkah untuk memansuhkan perbezaan di antara bumiputera dengan bukan bumiputra dalam semua bidang.
3. Membahagikan tanah secara adil kepada petani-petani yang memerlukan tanpa mengira kaum.
4. Hapuskan sistem kuota yang berasaskan 'kaum' dan gantikannya dengan sistem pengagihan yang berasaskan 'kebolehan'.
5. Hapuskan sistem kuota untuk kemasukan universiti.
6. Memberi layanan yang adil bagi badan-badan agama yang berlainan dalam hal penyebaran, perkembangan, mendapat kemudahan rasmi kerajaan serta dilayani dengan saksama oleh media rasmi.
7. Kenalkan sistem pinjaman dan bantuan kewangan pelajar dengan mengagihkannya mengikut kemampuan keluarga pelajar tanpa mengira kaum.<sup>14</sup>

Paradoksnya ialah Jawatankuasa Suqiu dengan nada lantang berkali-kali menafi Suqiu berniat untuk mempersoalkan atau mencabar hak serta kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera mana-mana Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, sepetimana yang termaktub di dalam Perlembagaan.<sup>15</sup> Memang benar Suqiu tidak mengatakan secara eksplisit untuk menghapuskan hak istimewa

---

<sup>13</sup> Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memperakukan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Malaysia dari segi perkhidmatan awam, biasiswa dan latihan, pameran, kemudahan khas, permit atau lesen bagi menjalankan apa-apa perniagaan. Yang DiPertuan Agong, dengan nasihat Kabinet bolehlah mengeluarkan arahan yang sesuai bagi merealisasikan perkara-perkara pokok itu seperti menentukan kuota pengajian di institusi pengajian tinggi, kolej dan universiti.

<sup>14</sup> Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, 16 Ogos 1999.

<sup>15</sup> Suqiu Committe Media Statement, 22 December 2000; Kenyataan Media Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, 22 Disember 2000.

bumiputera, namun jika diperincikan, kesamarataan hak antara kaum dan prinsip meritokrasi yang dituntut oleh Suqiu dengan sendirinya bermakna akan ada hak istimewa yang dinikmati oleh orang Melayu dan Bumiputera di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang perlu dilupuskan. Ini termasuklah penghapusan taraf Bumiputera dan menggantikan sistem kuota dengan sistem merit. Malah kenyataan Setiausaha, Ser Choon Ing yang menyatakan Suqiu cuma mempersoalkan “hak-hak keistimewaan yang dinikmati mereka dalam dasar yang dilaksanakan kerajaan berbanding kaum lain” serta “Suqiu berpendirian bahawa dasar-dasar penyusunan semula masyarakat tidak patut dilaksanakan mengikut kriteria kaum” jelas membuktikan Suqiu telah mencabar hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera.<sup>16</sup>

Suqiu mendapat liputan meluas akhbar-akhbar Cina tetapi tidak daripada akhbar berbahasa Melayu. Akhbar Melayu pada waktu itu lebih menumpukan perkembangan politik Melayu berikutan pertembungan yang bakal berlaku antara BN dengan pakatan pembangkang. Oleh itu, tuntutan yang menyentuh soal keistimewaan orang Melayu terpendam tanpa sebarang pertikaian secara terbuka. Pertubuhan ataupun orang Melayu termasuk pemimpin UMNO sendiri ternyata memberi sambutan dingin terhadap Suqiu. Tidak ada satu pihak Melayu pun yang berminat untuk memanjangkannya kerana sibuk membuat persediaan untuk pilihan raya umum.

---

<sup>16</sup> Utusan Malaysia, 17 Ogos 2000.

Satu perkara yang memang tidak menafikan ialah Jawatankuasa Suqiu telah menggunakan peluang dan ruang pilihan raya umum untuk menyampaikan hasrat dan aspirasi rakyat keturunan Cina khasnya secara langsung kepada kerajaan dan parti-parti politik yang bertanding. Penasihat Dong Jiao Zong, iaitu Lim Fong Seng dan Sim Mow Yu, terus terang menyeru pemimpin-pemimpin Hua Tuan bersikap berani untuk mengetengahkan masalah pendidikan yang lama dihadapi oleh masyarakat Cina menjelang pilihanraya umum 1999.<sup>17</sup> Pengerusi Jawatankuasa Suqiu, Quek Suan Hiang pula memberi penjelasan matlamat utama pelancaran Suqiu seperti berikut:

“Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, dan kebebasan bersuara adalah hak asasi rakyat. Hua Tuan mengemukakan Suqiu harus dilihat sebagai melaksanakan hak asasi tersebut. Ia menggambarkan pendapat umum dan pandangan membina dari rakyat. Justeru itu, ia tidak harus dipertikaikan dan disangkal... Dengan harapan tercapai suatu konsensus bersama antara rakyat melalui Suqiu ini, parti-parti pemerintah dan pembangkang akan lebih mementingkan pendapat umum rakyat menjelang pilihan raya umum yang melangkah ke alaf baru. Pada masa yang sama, mengkaji semula agenda politik masing-masing untuk mendapatkan sokongan rakyat. Oleh itu, Suqiu sekali-kali tidak bersifat desakan atau ugutan kepada kerajaan.”<sup>18</sup>

Ringkasnya, Jawatankuasa Suqiu telah memperguna pilihan raya umum sebagai suatu tekanan politik untuk mendesak parti-parti politik serta

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, 2 Ogos 1999.

<sup>18</sup> Temuramah dengan Quek Suan Hiang, Pengerusi PPLPSCM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Suqiu di Bangunan Dong Jiao Zong, Kajang pada 4 Disember 1999.

mempengaruhi sikap dan mentaliti para pengundi. Untuk mendukung dan merealisasikan aspirasi dan cita-cita yang terkandung dan Suqiu, Jawatankuasa Suiqu amat memerlukan sokongan dan kerja sama daripada warga Malaysia yang berlainan latar belakang etnik, kepercayaan, bahasa dan budaya.

### Kontroversi Suqiu

Pelancaran Suqiu di ambang pilihan raya umum tidak dapat tidak telah menimbulkan kesangsian, prasangka dan salah faham di kalangan permimpin parti politik tentang motif sebenar Suqiu tersebut. Pemimpin UMNO khususnya telah memanifestasikan Suqiu sebagai suatu ugutan kepada kerajaan semata-mata.<sup>19</sup> Tanggapan sedemikian terbayang dalam ulasan pemimpin UMNO terhadap Suqiu. Misalnya Datuk Dr. Rais Yatim, pemimpin veteran UMNO, menyifatkan “Tuntutan 17 Perkara” itu sebagai satu taktik golongan oportunist Cina supaya kerajaan akhirnya mengalah dengan tuntutan itu. Beliau menyifatkan tuntutan itu umpama “mengempang di tempat genting” dan menyeru orang Melayu mesti tegas untuk menentang tuntutan-tuntutan itu.<sup>20</sup> Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Badawi bertegas “kerajaan tidak terima sebarang

---

<sup>19</sup> Sebelum pilihan raya umum 1999, media cetak berbahasa Melayu di negara Malaysia menamakan Suqiu sebagai “Tuntutan 17 Perkara”.

<sup>20</sup> Utusan Malaysia, 14 Oktober 1999.

formula tawar-menawar dari mana-mana pihak sebagai syarat untuk memberi sokongan kepada BN”.<sup>21</sup>

Sementara Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Datuk Hishamuddin Hussein bertegas “UMNO tidak akan kompromi dengan isu hak keistimewaan Melayu... ia tidak wajar dibangkitkan ketika ini”.<sup>22</sup> Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad pula berkata, pihak kerajaan tidak akan tunduk kepada sebarang tuntutan dari mana-mana pihak terutamanya mengenai dasar utama kerajaan. Malahan beliau beranggapan bahawa Suqiu boleh dianggap sebagai suatu bentuk ‘*threats*’ atau ancaman kepada keutuhan BN. Justeru itu Dr. Mahathir bertegas bahawa kerajaan BN “tidak akan tunduk kepada tuntutan sedemikian yang mana kami tidak bersedia untuk terima... Jika kami tunduk kepada tuntutan itu maka kami akan hilang kredibiliti kerananya”.<sup>23</sup> Oleh itu Dr. Mahathir Mohamad menambah lagi bahawa beliau hanya mahukan “*unconditional support from the people*”.<sup>24</sup>

Bagi pihak Jawatankuasa Suqiu, Suqiu “tidak sekali-kali bersifat ‘*blackmail*’ ataupun ancaman kepada kerajaan”.<sup>25</sup> Sebaliknya, menurut

---

<sup>21</sup> Sin Chew Jit Poh, 7 September 1999.

<sup>22</sup> Ibid., 7 September 1999.

<sup>23</sup> Ibid., 15 September 1999.

<sup>24</sup> Kenyataan Akhbar Ketua Pembangkang Parlimen, Setiausaha Agung DAP merangkap Ahli Parlimen bagi Kawasan Tanjung, Lim Kit Siang di Petaling Jaya pada 16 September 1999.

<sup>25</sup> Harakah, Bil.1122, 11 Oktober 1999, hlm.15.

Setiausaha, Ser Chong Ing, “*the list was... made with good intentions. There is no racial demand and thus, it should not be seen in a negative light*”.<sup>26</sup> Oleh itu, tambah beliau lagi, Suqiu “adalah satu permintaan munasabah dan bukan merupakan satu ancaman kepada kerajaan mahupun orang Melayu. Walaupun tuntutan dikemukakan oleh masyarakat Cina, ia tidak bersifat perkauman biarpun tidak dapat mengelak daripada berbau kecinaan”.<sup>27</sup> Lantaran itu beliau menyeru semua parti politik serta pertubuhan bukan kerajaan memberikan sokongan padu kepada rayuan yang bersifat sejagat itu.<sup>28</sup> Presiden MCA, Dr. Ling Liang Sik yang senada dengan Jawatankuasa Suqiu juga mengatakan Suqiu yang mengandungi 17 prinsip sejagat itu “bukan paksaan dan ancaman kepada kerajaan atau sebagai syarat sokongan pada pilihan raya umum”.<sup>29</sup>

Perbahasan yang diakibatkan oleh Suqiu telah mendesak MCA dan Gerakan berusaha untuk memberi penjelasan kepada pemimpin UMNO menerusi Kabinet. Misalnya Presiden MCA, Dr. Ling Liang Sik telah memberi penjelasan kepada Jemaah Menteri bahawa “petisyen itu lebih bersifat rayuan tanpa syarat kepada kerajaan, yang merangkumi perakuan ke arah pembinaan negara”.<sup>30</sup> Katanya, rayuan itu adalah mewakili 99% pandangan serta cita rasa masyarakat

---

<sup>26</sup> The Sun, 21 September 1999.

<sup>27</sup> Utusan Malaysia, 17 Ogos 2000.

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Ibid., 24 September 1999.

<sup>30</sup> Berita Harian, 24 September 1999

Cina<sup>31</sup> serta rayuan itu adalah dikemukakan dengan perasaan rendah diri dan merupakan permintaan ikhlas masyarakat Cina.<sup>32</sup> Presiden Gerakan, Dr. Lim Keng Yaik pula menganggap 17 Perkara itu bukannya tuntutan pilihan raya, sebaliknya ia adalah “*a list of aspirations and appeals with on time frame set for them to be realized or implemented*”.<sup>33</sup>

Kabinet akhirnya membuat keputusan untuk menerima secara prinsip Suqiu memandangkan “ia lebih bersifat rayuan dan tidak mengenakan sebarang syarat.”<sup>34</sup> Seterusnya Kabinet mengarahkan satu dialog positif diadakan dengan Jawatankuasa Suqiu untuk membincangkan kandungan petisyen terbabit. Sehubungan itu, satu delegasi khas yang dianggotai oleh Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Law Hieng Ding, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik telah menemui Jawatankuasa Suqiu. Pertemuan tersebut mencapai kata sepakat apabila ketiga-tiga parti komponen BN mengisyiharkan penerimaan terhadap 17 prinsip dalam Suqiu “*on the basis that they were universal and would benefit all races*”<sup>35</sup> Malah ketiga-tiga orang wakil

---

<sup>31</sup> Esther Tan, “Three BN Components Accept Hua Tuan Appeal”, New Straits Times, 24 September 1999.

<sup>32</sup> Utusan Malaysia, 14 Oktober 1999.

<sup>33</sup> The Straits Times, 14 Oktober 1999.

<sup>34</sup> New Straits Times, 24 September 1999.

<sup>35</sup> Ibid.

kabinet juga bersetuju “*to continue Liase with the Committee so as to implement the Appeals in stages*”.<sup>36</sup>

Bagi menunjukkan sikap timbang rasa kerajaan BN terhadap Suqiu, Dr. Ling Liong Sik juga berjaya menasihati kerajaan supaya wakil-wakil daripada 11 Hua Tuan dilantik sebagai ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II).<sup>37</sup> Pelantikan ini merupakan suatu peluang, ruang dan arena yang terbaik bagi Jawatankuasa Suqiu untuk memperjuangkan wawasannya dalam pembangunan negara pada abad ke-21. Namun demikian, 11 Hua Tuan telah membuat keputusan untuk tidak menyertai MPEN II. Alasan yang diberikan ialah Jawatankuasa Suqiu hanya memainkan peranan untuk mengawasi pelaksanaan rayuan serta menjalankan kerja-kerja publisiti dan pendidikan kepada rakyat. Oleh kerana ia bukan sebuah badan eksekutif, maka tugas-tugas untuk “merealisasikan rayuan itu adalah tanggungjawab parti-parti politik yang membentuk kerajaan”.<sup>38</sup>

Keputusan kerajaan BN untuk menerima dokumen Suqiu secara prinsip ternyata dibuat berdasarkan pertimbangan politik bagi menghadapi pilihan raya umum. Sebagaimana yang diterangkan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, “penerimaan memorandum Suqiu oleh Kabinet yang diwakili oleh MCA sebelum pilihanraya umum 1999 hanya adalah satu taktik politik, kerana

---

<sup>36</sup> Suqiu Committee Press Statement, 23 September 1999.

<sup>37</sup> Utusan Malaysia, 24 September 1999.

<sup>38</sup> Ibid., 10 Oktober 1999.

takut hilang undi daripada masyarakat Cina".<sup>39</sup> Strategi tersebut boleh difahami memandangkan BN sedang menghadapi persaingan sengit yang penuh dengan debaran daripada barisan pembangkang dalam pilihanraya umum 1999.

Sejak tercetusnya isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan kerajaan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1999 dan seterusnya daripada keahlian UMNO, pihak pembangkang telah menjadikan isu ini sebagai batu loncatan untuk meraih simpati dan undi rakyat bagi perjuangan mereka. Maka tertubuhlah Parti KeADILan Nasional pada 4 April 1999 pimpinan isteri bekas Timbalan Menteri Perdana, Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Selanjutnya, parti-parti pembangkang yang terdiri daripada KeADILan, PAS, DAP dan PRM telah bersepakat di bawah gabungan Barisan Alternatif untuk mengekang BN daripada terus berkuasa dalam pilihanraya umum. Dalam keadaan masyarakat Melayu yang berpecah belah ini, sokongan komuniti Cina adalah sangat penting kepada BN untuk mengekalkan kekuasaannya.

Barisan Alternatif yang bertarung hebat dengan BN untuk mendapatkan sokongan rakyat terutamanya pengundi Cina juga tidak ketinggalan untuk menyatakan sokongannya kepada sebaian besar Suqiu.<sup>40</sup> Keputusan tersebut dibuat pada satu perbincangan antara Barisan Alternatif dengan Jawatankuasa

---

<sup>39</sup> The Star, 11 Disember 2000; Media Statement by DAP National Chairman Lim Kit Siang in Petaling Jaya on 21 December 2000.

<sup>40</sup> Joint Media Statement by Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, President Parti Keadilan Nasional, Dato' Fadzil Mohd. Noor, President PAS, Lim Kit Siang, Secretary-General DAP and Dr. Syed Husin Ali, President PRM, 19 October 1999.

Suqiu yang diadakan dalam suasana harmoni di Bangunan Dong Jiao Zong.<sup>41</sup>

Dalam pertemuan itu, Dr. Wan Azizah Wan Ismail ketika berucap dalam majlis itu menganggap dialog itu sebagai satu titik permulaan kepada pengukuhan perpaduan antara kaum di Malaysia. Tambah beliau lagi, Barisan Alternatif beriltizam membina masyarakat Malaysia yang adil, ehsan lagi demokratik melalui proses mengimbangi hak dan kepentingan semua kaum dan berpandukan kesederhanaan dalam politik.<sup>42</sup> Selain itu Barisan Alternatif juga berjanji untuk memasukkan sebahagian besar kandungan Suqiu dalam manifesto pilihan rayanya.<sup>43</sup>

Pendirian Barisan Alternatif dalam mengembangkan pendidikan bahasa ibunda adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip asas Perlembagaan Malaysia. Di samping mempertahankan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal negara Malaysia serta mengiktiraf kedudukan istimewa kaum Melayu dan Bumiputera, Barisan Alternatif juga melindungi penggunaan bahasa-bahasa yang lain. Lantaran itu, Barisan Alternatif membuat jaminan seperti berikut:

---

<sup>41</sup> Pemimpin parti-parti alternatif yang turut hadir ialah Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Presiden Parti Keadilan Nasional), Datuk Haji Fadzil Mohd. Noor (Presiden PAS), Dr. Chen Man Hin (Pengerusi DAP), dan Dr. Syed Husin Ali (Presiden PRM).

<sup>42</sup> Harakah, Bil.1125, 22 Oktober 1999.

<sup>43</sup> Menurut Subky Latif, kira-kira 80% kandungan Suqiu telah dimasukkan oleh Barisan Alternatif dalam manifestonya, manakala yang selebihnya akan dibuat kajian lanjut secara akademik. Lihat Ibid.

*"The Alternative Parties... support that section of the proposals made by the Chinese Associations regarding education in the respective mother-tongues of our multi-ethnic society. The Chinese and Tamil schools in the national education system must be preserved. Based on local demand, more primary Chinese and Tamil schools must be preserved. Provision for the teaching of Chinese and Tamil within the normal school timetable should be made wherever there are ten or more pupils who wish to learn these languages".<sup>44</sup>*

Sikap keterbukaan Barisan Alternatif terhadap pendidikan bahasa ibunda terbukti apabila kebanyakan tuntutan dimasukkan ke dalam manifestonya dan berjanji akan menunaikan jika Barisan Alternatif menang dalam pilihan raya. Di antaranya termasuklah memperuntukkan perbelanjaan pendidikan supaya lebih seimbang dan adil dan tiada golongan yang diabaikan, mengagihkan bantuan pendidikan lain berdasarkan keperluan dan menaikkan taraf latihan guru untuk semua peringkat sekolah dan meningkatkan bilangan guru yang dilatih selaras dengan permintaan. Selain itu, Barisan Alternatif juga menjamin hak mempelajari bahasa ibunda seperti Cina, Tamil, Iban, Kadazandusun dan lain-lain di sekolah. Pelaksanaan peraturan dasar bahasa ibunda akan diperbaiki supaya lebih cekap, bermutu dan peka terhadap permintaan ibu bapa.<sup>45</sup>

Manifesto Barisan Alternatif juga bersetuju guru bahasa ibunda yang terlatih harus disediakan oleh sekolah kerajaan kalau terdapat sekurang-kurangnya

---

<sup>44</sup> Joint Media Statement by Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, President Parti Keadilan Nasional, Dato' Fadzil Mohd. Noor, President PAS, Lim Kit Siang, Secretary-General DAP and Dr. Syed Husin Ali, President PRM, 19 October 1999.

<sup>45</sup> Ke Arah Malaysia Yang Adil, Manifesto Pilihanraya Umum 1999 Barisan Alternatif, Oktober 1999.

sepuluh anak murid yang menghendaki guru bahasa berkenaan. Latihan guru bahasa ibunda akan ditingkatkan di kolej latihan guru dan di institusi pengajian tinggi awam. Aliran bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah seperti yang wujud pada masa kini terus dikekalkan, di samping menggalakkan integrasi di kalangan para pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sementara itu, ijazah-ijazah dari institusi pengajian tinggi Arab, Indonesia, Filipina, Taiwan, India, Pakistan, China dan negara-negara lain serta sijil-sijil persekolahan tempatan seperti Sijil Peperiksaan Bersama SMPC ditimbangkan dari segi taraf akademiknya.<sup>46</sup>

Secara perbandingannya, BN telah mengetepikan semua hal dalam Suqiu termasuk pendidikan bahasa ibunda dalam manifesto pilihanraya yang bertemakan “Malaysia: Bebas, Sepadu, Maju”. Sebaliknya manifestonya hanya menonjolkan pencapaian dan kecemerlangan negara dalam pelbagai bidang sepanjang pemerintahan BN.<sup>47</sup> Namun demikian, untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat Cina dalam pilihan raya, kerajaan BN dari segi lain terpaksa menerima dan melaksanakan kandungan dokumen itu, terutamanya dalam bidang pendidikan Cina secara ‘*selective*’ dan ‘*sectional*’.

Lantaran itu kerajaan BN menunjukkan sikap yang serius dan peka terhadap permintaan dan hasrat komuniti Cina dalam bidang pendidikan dan

---

<sup>46</sup> Ibid.

<sup>47</sup> Malaysia, Free, United, Successful, Barisan Nasional Manifesto for 1999 General Elections, Barisan Nasional Headquartes, Kuala Lumpur, 1999.

bahasa ibunda bagi memancing undi dalam pilihanraya. Sebagai contohnya, kerajaan telah mengumumkan peruntukan pertama sebanyak RM 2.36 juta kepada 147 SRJK(C) dan SMJK di seluruh negara ini.<sup>48</sup> Ini diikuti oleh peruntukan bantuan kewangan sebanyak RM 23,392,450 kepada 3 buah SMJK dan 9 buah SRJK(C) untuk tujuan membaikpulih bangunan sekolah, membina bilik darjah atau menambah kemudahan sekolah.<sup>49</sup>

Selain daripada itu, BN juga memberi penghargaan tinggi dan menyatakan pengiktirafan kerajaan kepada pendidikan Cina, sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah. Sebagai contohnya, semasa berucap merasmikan Seminar Pendidikan Guru-Guru Besar SRJK(C) Malaysia di Seri Kembangan pada 4 November 1999, Dr. Mahathir pernah mengatakan bahawa “sungguhpun sistem pendidikan kebangsaan membenarkan sekolah pelbagai aliran menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, namun ia tidak mempengaruhi perasaan cinta dan setia kepada negara di kalangan rakyat”<sup>50</sup>. Beliau juga menekankan bahawa Malaysia adalah satu-satu negara di dunia yang memberi kebebasan bagi membuka sekolah menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing. Beliau menambah,

---

<sup>48</sup> Sin Chew Jit Poh, 3 November 1999. SRJK(C) dan SMJK yang terlibat adalah Perlis (2), Kedah (16), Pulau Pinang (8), Perak (30), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3), Selangor (12), Melaka (17), Negeri Sembilan (8), Pahang (11), Johor (32), Kelantan (7) dan Terengganu (1).

<sup>49</sup> Ibid., 4 November 1999. Ketiga-tiga SMJK adalah terletak di Kedah (RM 12,120,000); manakala SRJK(C) pula adalah dua buah di Pahang [RM3,38 juta], satu di Perak [RM2 juta], dua di Melaka [RM581,200], dua di Negeri Sembilan [RM41,112,250], dan dua di Pulau Pinang [RM600,000].

<sup>50</sup> Ibid., 5 November 1999.

“Malah kerajaan turut membiayai sekolah-sekolah yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Ini adalah sesuatu yang istimewa di negara ini dan mencerminkan sikap toleransi kerajaan terhadap kaum-kaum di Malaysia. Tidak ada sekatan terhadap mereka yang hendak menggunakan bahasa ibunda.”<sup>51</sup>

Sikap keprihatian dan terbuka kerajaan BN juga kelihatan dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih SRJK(C) dan pembinaan SRJK(C). Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd. Najib khususnya telah menunjukkan respon yang positif terhadap permintaan masyarakat Cina. Beliau berjanji kepada masyarakat Cina bahawa:

“SRJK(C) adalah unsur penting dalam sistem pendidikan negara kerana sekolah itu juga berjaya dalam proses pembinaan bangsa termasuk menyemai semangat patriotik atau mencintai negara... Kerajaan sentiasa menjamin kewujudan SRJK(C) secara berterusan kerana perkara berkenaan terkandung dalam Akta Pendidikan 1996. Justeru itu, kerajaan akan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi SRJK(C) iaitu kekurangan guru dan jumlah sekolah berkenaan.”<sup>52</sup>

Susulan daripada jaminan tersebut, Kementerian Pendidikan mengambil beberapa langkah serta merta untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru SRJK(C). Langkah pertama ialah mengurangkan tahap minimum UKELP bagi calon yang mempunyai keputusan minimum supaya guru pelatih opsyen ini dapat

---

<sup>51</sup> Utusan Malaysia, 5 November 1999.

<sup>52</sup> Berita Harian, 11 Oktober 1999.

bertambah. Menteri Pendidikan, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak menjamin kelonggaran itu tidak akan menjelaskan kualiti calon guru pelatih kerana kementerian masih mengambil kira kelebihan lain yang dimiliki pemohon. Selain tindakan menurunkan tahap itu, beliau juga meminta Bahagian Pendidikan Guru mengadakan temuduga terbuka secara “walk-in” di seluruh negara, bukan di Kuala Lumpur sahaja, untuk calon yang berminat menjadi guru pelatih. Selain itu Bahagian Pendidikan Guru akan menempatkan lulusan Diploma Perguruan Malaysia Julai lalu di semua SRJK(C) secepat mungkin.<sup>53</sup>

Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak juga berjanji Kementerian Pendidikan akan melantik guru bersara yang berminat untuk bertugas secara kontrak di SRJK(C). Sungguhpun Kementerian Pendidikan telah membekukan pengambilan guru bersara wajib sebagai guru kontrak mulai tahun 1999, namun pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan meneruskan semula pengambilan guru kontrak khusus bagi bidang Pengajian Cina dan Pengajian Tamil sebagai satu kaedah untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di SRJK(C) dan SRJK(T). Sehingga September 2000, seramai 352 orang guru kontrak telah diluluskan perlantikan daripada 947 orang yang telah mengemukakan permohonan. Daripada jumlah itu, guru Bahasa Cina ialah 298 orang dan guru Bahasa Tamil ialah 54 orang.<sup>54</sup>

---

<sup>53</sup> Ibid., 11 Oktober 1999.

<sup>54</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.61, 7 November 2000, hlm.4.

Sikap liberal kerajaan BN juga terpapar apabila beberapa permohonan masyarakat Cina terhadap pembinaan dan pemindahan SRJK(C) telah dipertimbangkan dan diluluskan. Sebenarnya sebelum pilihan raya umum, Kerajaan BN telah meluluskan permohonan untuk memindahkan SRJK(C) Nam Heng, Masai,<sup>55</sup> SRJK(C) Hin Hua, Kelang, SRJK(C) Chee Wen, Sg. Tinggi, Ulu Selangor, dan SRJK(C) Yeow Cheng Luan, Mentakab. Di samping itu, kerajaan juga meluluskan pembinaan tiga buah SRJK(C) dan dua buah SMJK yang baru, iaitu SRJK(C) Kuo Kuang (2), SRJK(C) Kulai Besar, Kulai, SRB Chung Hua (6), Kuching, Sarawak SMJK Chin Hwa (II), Seremban, dan SMJK Keat Hwa (II), Kedah.<sup>56</sup>

Bagi menangani tekanan politik yang timbul akibat daripada Suqiu, MCA telah melantik Naib Presidennya, Datuk Lim Ah Lek untuk memohon pembinaan lebih banyak SRJK(C) baru dan pemindahan lebih banyak SRJK(C) ke tempat yang strategik. Usaha tersebut juga menampakkan hasil yang menggalakkan. Misalnya dalam satu pertemuan dengan Datuk Seri Mohd. Najib pada 2 Ogos 1999, Datuk Lim Ah Lek telah mengemukakan satu cadangan yang meliputi pembinaan enam buah SRJK(C) dan dua buah SMJK baru serta pemindahan 6

---

<sup>55</sup> Menteri Besar Johor telah mengarahkan agar sebidang tanah rizab pendidikan di Bandar Seri Aman diperuntukkan kepada SRJK(C) Lam Heng. Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga, Jilid V, Bil.45, 10 November 1999, hlm.29.

<sup>56</sup> Sin Chew Jit Poh, 4 September 1999, 7 September 1999, Fail GPGSCM/Jiaoyubu, Surat dari Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak kepada Datuk Lim Si Cheng, Ahli Parlimen Kawasan Senai, 1 Ogos 1998, GPGSCM, Kuala Lumpur; The 44<sup>th</sup> General Assembly Secretary-General's Report By Dato' Dr. Ting Chew Peh, MCA Headquarters, Kuala Lumpur, 1997, hlm.32; Pejabat DAP, Surat terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad oleh Jawatankuasa Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan DAP, Petaling Jaya, 13 Mac 1999.

buah SRJK(C) dan sebuah SMJK.<sup>57</sup> Bilangan tersebut kemudiannya telah ditambahkan kepada 14 buah SRJK(C)/SMJK yang baru dan 27 buah SRJK(C)/SMJK dipindahkan ke tempat yang lebih strategik selepas tinjauan terperinci dilakukan.<sup>58</sup>

Daripada jumlah itu, Kementerian Pendidikan telah bersetuju untuk membina enam buah SRJK(C) baru serta membenarkan 11 SRJK(C) dan dua buah SMJK dipindahkan ke lokasi yang bersesuaian. Enam buah SRJK(C) yang baru ialah SRJK(C) On Pong (2), Ampang, Selangor, SRJK(C) Puay Chai (2), Petaling Jaya, SRJK(C) Desa Jaya (2), Kepong, SRJK(C) Chung Ching (Cawangan), Kuantan, SRJK(C) Kepong (3), Kuala Lumpur, SRJK(C) Connought, Kuala Lumpur.<sup>59</sup> Sementara SRJK(C) yang dibenarkan berpindah adalah SRJK(C) Jagoh, Segamat, SRJK(C) Foon Yew (5), Johor Bahru, SRJK(C) Chee Tong, Masai, SRJK(C) Sam Yoke, Kuala Lumpur, SRJK(C) Chung Hua, Kelang, SRJK(C) Sg. Pertang, Karak, SRJK(C) Pay Fong (3), Melaka, SRJK(C) Wan Hwa, Menglembu, Ipoh, SRJK(C) Beng Teik, Pulau Pinang, SRJK(C) Tai Tong, Sg. Petani, dan SRJK(C) Triang (2), Temerloh. Manakala dua buah SMJK

---

<sup>57</sup> 6 buah SRJK(C) baru adalah terletak di kawasan Subang, Bandar Utama, Wangsa Maju, Cheras, Batu Gajah, manakala SMJK baru terletak di Bayan Baru dan Puchong/Bandar Utama. Sementara SRJK(C) yang terlibat dalam pemindahan ialah 2 di Johor, dan masing-masing satu di Kedah, Selangor, Kuala Lumpur dan Pahang. SMJK pula adalah terletak di Kuala Lumpur; lihat Sin Chew Jit Poh, 3 Ogos 1999, 4 September 1999.

<sup>58</sup> Ibid., 4 September 1999.

<sup>59</sup> Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, SRJK(C) Puay Chay II telah siap dibina. Pembinaan SRJK(C) Ong Pong II, SRJK(C) Desa Jaya II dan Connought II adalah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.70, 22 November 2000, hlm.230.

<sup>59</sup> Sin Chew Jit Poh, 4 September 1999.

yang terlibat ialah SMJK Confucian, Kuala Lumpur, dan SMJK Chung Hua, Kelang.<sup>60</sup>

Bilangan SRJK(C) yang diluluskan sama ada pembinaan baru ataupun pemindahan ternyata adalah amat jauh daripada yang dicadangkan oleh MCA. Namun ia telah memperlihatkan strategi rundingan dan semangat musyawarah telah mendatangkan hasil yang menggalakkan. Dengan kata lain, strategi permuafakatan politik yang diamalkan oleh MCA adalah paling berkesan untuk menyelesaikan masalah SRJK(C) khasnya dan pendidikan Cina amnya.

Selain itu, masalah cukai tanah yang berbeza-beza kadar serta membebankan sekolah juga diselesaikan. Selama ini, kerajaan negeri mengenakan cukai tanah yang berbeza-beza, contohnya Melaka mengenakan RM 10 setahun bagi setiap sekolah, Pulau Pinang (RM1), Negeri Sembilan (RM10), Pahang (RM20), Sabah (RM100), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Selangor dan Sarawak adalah dikecualikan daripada membayar cukai tanah, manakala negeri-negeri lain berdasarkan kepada lokasi dan peruntukan-peruntukan syarat tertentu.<sup>61</sup>

Walau bagaimanapun, atas permintaan Dong Jiao Zong dan Majlis Sekolah Kristian Malaya, Kerajaan akhirnya bersetuju menurunkan kadar cukai tanah bagi sekolah agama dan sekolah bantuan modal kepada RM 1.00 setahun

---

<sup>60</sup> Ibid., 25 November 1999.

<sup>61</sup> Ibid., 22 September 1999.

dengan berkuatkuasa serta merta.<sup>62</sup> Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Tanah negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi dan turut disertai oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri. Keputusan tersebut bagi meringankan beban SRJK(C) yang tidak berorientasikan keuntungan.

Ringkasnya, Suqiu yang dikemukakan dalam pilihanraya umum 1999 telah memperlihatkan masalah SRJK(C) seolah-olah telah diselesaikan satu demi satu. Bagaimanapun, hasilan sedemikian masih tidak memerangsangkan pemimpin-pemimpin Dong Jiao Zong. Mereka hanya menyifatkannya sebagai ‘*unexpected*’ dan ‘*gifts of elections*’.<sup>63</sup> Malahan Loot Ting Yee menggambarkan keadaan ini sebagai satu tanggapan yang palsu sahaja”. Memetik katanya, “Selagi dasar pendidikan negara satu bahasa tidak berubah dan Akta Pendidikan 1996 yang menafikan dasar ‘*multiculturalism*’ tidak dipinda, selagi itulah dilema dan masalah yang dihadapi oleh pendidikan bahasa ibunda tetap berkekalan dan akan melangkah ke abad ke-21”.<sup>64</sup>

Walau bagaimanapun, kemelut Suqiu yang menyentuh sentimen perkauman kembali hangat selepas pilihanraya umum diadakan. Keengganan Jawatankuasa Suqiu untuk menggugurkan tuntutan yang menyentuh soal

---

<sup>62</sup> Sekolah bantuan modal di seluruh negara ini meliputi 211 Sekolah Agama Rakyat, 367 Sekolah Kristian, 378 SRJK(T) dan 924 SRJK(C). Berita Harian, 28 Oktober 1999.

<sup>63</sup> Sin Chew Jit Poh, 14 November 1999.

<sup>64</sup> Temuramah dengan Loot Ting Yee, Naib Penggerusi GPGSCM di Pejabat GPGSCM, Kuala Lumpur pada 3 Disember 1999.

keistimewaan Melayu<sup>65</sup> telah mencetuskan satu dimensi baru kepada pertembungan kepentingan kaum yang lebih terbuka. Pergerakan Pemuda UMNO dengan nada tegas dan lantang mendesak Jawatankuasa Suqiu menggugurkan semua tuntutannya yang menyentuh soal keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera serta memohon maaf secara terbuka kepada seluruh masyarakat Melayu dan Bumiputera.<sup>66</sup>

Selain itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) turut bertindak membuat tuntutan balas 100 Perkara yang mendesak kerajaan supaya mempertahankan dan meningkatkan hak keistimewaan orang Melayu jika kerajaan terpaksa menerima tuntutan yang dikemukakan Suqiu.<sup>67</sup> Gabungan itu

---

<sup>65</sup> Kenyataan Akhbar Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, 18 Ogos 2000; Suqiu Committee Press Statement, 19 August 2000; Kenyataan Akhbar Quek Suan Hiang, Pengurus Jawatankuasa Suqiu pada 24 Ogos 2000; Kenyataan Media Ser Choon Ing, Setiausaha Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, 12 Disember 2000.

<sup>66</sup> Memorandum Pembantahan Pergerakan Pemuda UMNO, Pergerakan Pemuda UMNO, Kuala Lumpur, 18 Ogos 2000. Berita Harian, 19 Ogos 2000; Zulkifli Jalil, "Pemuda tuntut Suqiu mohon maaf tipu Melayu", Utusan Malaysia, 26 Ogos 2000.

<sup>67</sup> Kandungan tuntutan GPMS itu adalah menyeluruh serta mencakupi pelbagai aspek seperti pendidikan, keagamaan, alam sekitar, bahasa Melayu, kebudayaan, ekonomi, politik, tanah dan berbagai lagi. Antara perkara utama yang dikemukakan ialah kuota pelajar Melayu di universiti awam dinaikkan kepada 70 peratus, kuota pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi swasta ditetapkan sebanyak 60 peratus, semua pelajar Melayu diberikan biasiswa bukan lagi pinjaman dan 70 peratus daripada senat universiti terdiri daripada pensyarah Melayu. Di samping itu, pindaan perlombagaan hendaklah dibuat bagi membolehkan jawatan Perdana Menteri diwartakan sebagai hak mutlak orang Melayu, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi dalam semua urusan serta Menteri Pendidikan diberi kuasa untuk menghapuskan sekolah termasuk SRJK(C), Utusan Malaysia, 14 Disember 2000.

juga mengadakan perhimpunan sebagai tanda bantahan terhadap Jawatankuasa Suqiu.<sup>68</sup>

Berhubungan dengan kontroversi ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan nada tegas juga menekankan kerajaan tidak akan berundur walau satu langkah pun dalam mempertahankan hak-hak keistimewaan orang Melayu di negara ini.<sup>69</sup> Malah beliau membidas Jawatankuasa Suqiu sebagai ekstremis kerana membuat tuntutan yang boleh menjelaskan kontrak sosial antara pelbagai kaum dan keharmonian yang sedia wujud di negara ini sejak merdeka. Ketika rakyat menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-43, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran keras kepada Jawatankuasa Suqiu supaya berhenti bermain dengan api perkauman. Dalam perutusan Hari Kebangsaannya yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia, Dr Mahathir Mohamad membidas Jawatankuasa Suqiu sebagai puak ekstremis Cina kerana tindak-tanduk mereka tidak banyak berbeza dengan komunis yang hendak menghapuskan sama sekali hak istimewa Melayu, dan Kumpulan Al-Ma'unah<sup>70</sup>

---

<sup>68</sup> Misalnya GPMS telah mengadakan perhimpunan yang dihadiri oleh lebih 1000 pelajar universiti dan sekolah dari seluruh negara di perkarangan pejabatnya di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur pada 14 Disember 2000.

<sup>69</sup> Utusan Malaysia, 18 Ogos 2000; Nor Shamsinor Baharin dan Hazani Musa, “Jangan lupa daratan”, Massa, Bil.255, 26 Ogos-1 September 2000, hlm. 24.

<sup>70</sup> Kumpulan Al Ma'unah merupakan sebuah organisasi agama sesat. Pada 2 Julai 2000, sekumpulan 15 orang anggota Al Ma'unah menyerbu sebuah kem angkatan tentera di Sauk, Perak, dan mencuri banyak senjata api. Mereka kemudian membunuh dua orang tebusan dan melukakan seorang lagi tebusan sebelum pasukan keselamatan dapat menundukkan dan menahan mereka.

yang cuba menyakitkan hati orang tertentu supaya perasaan perkauman dihidupkan semula.<sup>71</sup>

Walau bagaimanapun, demi keamanan dan kestabilan negara, isu yang sensitif lagi hangat ini akhirnya ditangani dengan semangat musyawarah mengatasi sebarang emosi yang destruktif. Ketua Pegerakan Pemuda UMNO mengambil inisiatif untuk berjumpa dan berdialog dengan Jawatankuasa Suqiu bagi menamatkan kontroversi.<sup>72</sup> Oleh itu, satu pertemuan tertutup antara delegasi Suqiu diketuai pengurusnya, Quek Suan Hiong dan perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO oleh ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein selama 24 jam sejak 24 Disember 2000 telah diadakan.

Persefahaman telah tercapai antara Pergerakan Pemuda UMNO dan Jawatankuasa Suqiu, iaitu Tujuh Perkara “diketepikan” memandangkan ketegangan etnik yang wujud serta hak, kedudukan dan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera mana-mana Negeri-negeri Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam peruntukan perlombagaan Persekutuan 153 dan peruntukan lain yang berkaitan, tidak dipersoalkan. Serentak itu, kedua-dua pihak juga

---

<sup>71</sup> Berita Harian, 31 Ogos 2001; Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.63, 9 November 2000, hlm.34; Media Statement by Chairman for Media and Information Bureau, Alternative Front, Rustam A. Sani on 31 August 2000; Kenyataan Akhbar Lokman Noor Adam, Setiausaha Pergerakan Pemuda KeADILan, 22 Disember 2000.

<sup>72</sup> Kenyataan Media Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia, 19 Disember 2000.

berlitzam untuk membincangkan 76 rayuan lain dan merealisasikan perkara-perkara yang diterima oleh kedua-dua pihak.<sup>73</sup>

Sebagai rumusannya, Suqiu yang dikemukakan menjelang pilihan raya umum 1999 telah mendesak kerajaan BN membuat keputusan untuk menerima Suqiu secara prinsip bagi mengelakkan kehilangan sokongan daripada masyarakat Cina. Lebih-lebih lagi kerajaan BN juga bertolak ansur dan bersikap liberal terhadap tuntutan SRJK(C). Beberapa berita baik telah diumumkan, antaranya termasuklah meluluskan projek pembinaan SRJK(C) yang baru, pemindahan SRJK(C) ke tempat yang lebih strategik, peruntukan tambahan kepada SRJK(C) serta melaksanakan siri program peningkatan bilangan guru terlatih SRJK(C). Tegasnya, tekanan politik akibat daripada Suqiu telah mencapai satu kejayaan yang menggalakkan bagi SRJK(C). Namun seperkara yang tidak dapat dinafikan ialah Suqiu menyentuh soal keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera dan telah menimbulkan satu kontroversi hangat yang berlarutan sehingga menimbulkan kekeruhan hubungan antara kaum di negara ini.

---

<sup>73</sup> Kenyataan Bersama Dato' Hishammuddin Tun Hussein, Pergerakan Pemuda UMNO dan Encik Quek Suan Hiang, Pengerusi Jawatankuasa Suqiu, 5 Januari 2001.

## KESIMPULAN

Sebagaimana yang telah diuraikan di dalam bab-bab yang lalu, perjuangan SRJK(C) di antara tahun 1956-2000 bukan sahaja berjaya menuntut suatu kedudukan yang sah dalam sistem pendidikan kebangsaan, malah usaha untuk mengekalkan kuasa autonomi, identiti dan status quonya juga mendapat satu kejayaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah mengiktiraf SRJK(C) sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Menurut Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, SRJK(C) adalah merujuk kepada sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi kanak-kanak dari umur enam tahun. Sekolah tersebut menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dan menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.

Semasa penjajahan British, sistem persekolahan yang bercorak perkauman telah berkembang pesat tanpa mengambil kira tentang keperluan pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Kegagalan penjajah British dalam membentuk satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan manakala pada masa yang sama tidak menghiraukan pertumbuhan sekolah-sekolah yang bercorak perkauman telah meletakkan batu asas sistem persekolahan majmuk yang kukuh. Implikasi besar yang melanda akibat daripada sistem

persekolahan yang berasingan mengikut kaum telah menjurus ke arah semangat perkauman yang menebal.

Dengan berlatarbelakangkan faktor ini, maka timbul satu keperluan yang mendesak untuk menyusun semula sistem pendidikan ke arah pencapaian matlamat perpaduan negara. Inisiatif pertama ke arah melahirkan satu sistem pendidikan kebangsaan ialah melalui Laporan Barnes yang dikemukakan pada tahun 1950. Laporan Barnes mencadangkan sekolah rendah vernakular yang berbeza-beza mengikut kaum dihapuskan dan digantikan dengan Sekolah Kebangsaan bagi membentuk identiti kebangsaan.

Oleh kerana tidak memberi sebarang pengiktirafan terhadap sekolah vernakular Cina, Laporan Barnes telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Cina khususnya pemimpin masyarakat yang berpendidikan Cina. Mereka memandang Laporan Barnes sebagai satu usaha yang sengaja untuk menghapuskan pendidikan Cina dan seterusnya menghancurkan kebudayaan mereka. Sebaliknya mereka menyokong Laporan Fenn-Wu yang memperakukan supaya sekolah vernakular Cina terus dikekalkan di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Kedua-dua laporan yang betentangan itu dikaji dan akhirnya Ordinan Pelajaran 1952 telah dijadikan undang-undang. Ordinan tersebut dianggap bercorak kebangsaan kerana ia berusaha untuk mengurangkan perbezaan di dalam

sistem persekolahan majmuk yang wujud dengan menubuhkan Sekolah Kebangsaan yang menjadikan bahasa rasmi negara sebagai bahasa pengantar. Ordinan tersebut tidak diterima sepenuhnya oleh rakyat Tanah Melayu. Tentangan orang Melayu yang dipelopori oleh Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung adalah tertumpu pada soal martabat dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sementara MCA dan Dong Jiao Zong telah bekerjasama dan bersepakat menerusi MCACECC untuk menentang Ordinan Pelajaran 1952 yang tidak mengiktiraf sekolah vernakular Cina sebagai sekolah kebangsaan.

Walau bagaimanapun, kontroversi berkaitan dengan Ordinan Pelajaran 1952 telah dapat dipendamkan buat sementara waktu kerana pilihan raya umum 1955. Parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah membukukan kontroversi mengenainya kerana amat bimbang isu itu boleh mengakibatkan perpecahan dan sekaligus menjelaskan pencapaian parti dalam pilihan raya. Justeru itu, manifesto Parti Perikatan menyatakan secara eksplisit sokongan dan pengiktirafannya terhadap perkembangan sekolah vernakular di Tanah Melayu.

Semasa di ambang kemerdekaan, pembinaan perpaduan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu dari pelbagai keturunan dan agama tetap merupakan agenda utama dalam penggubalan dan pelaksanaan satu sistem pendidikan kebangsaan. Kerajaan telah mengatur langkah untuk mewujudkan satu landasan

pendidikan yang benar-benar berteraskan aspirasi nasional yang mengambil kira kepentingan semua kaum. Maka lahirlah Laporan Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 serta Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 yang bertujuan untuk mempercepatkan proses integrasi kaum dan seterusnya menghapuskan jurang dan tembok pemisah yang wujud di dalam hubungan kaum di sekolah. Mengikut Akta Pelajaran 1961 yang memaktubkan Dasar Pendidikan Kebangsaan, matlamat akhir sistem pendidikan kebangsaan ialah perkembangan secara progresif yang menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam semua peringkat institusi pendidikan.

Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menjadi landasan bagi pembangunan sistem pendidikan kebangsaan selepas merdeka. Sungguhpun demikian, kedua-dua laporan juga tidak diterima oleh semua rakyat. Tentangan orang Melayu terutamanya guru sekolah Melayu adalah berasaskan kepada cadangan kedua-dua laporan itu untuk terus mengekalkan bentuk dan kandungan sistem persekolahan penjajahan British terutama peringkat sekolah rendah pelbagai aliran bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sementara kaum bukan Melayu, terutamanya Dong Jiao Zong dan Hua Tuan serta Kesatuan Guru-Guru Sekolah India menentang matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan kerana ia boleh membawa kepada penghapusan SRJK(C) dan SRJK(T) yang bukan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Seperkara yang jelas ialah kedua-dua laporan itu hanya memberi kelonggaran sementara kepada perwujudan sekolah rendah jenis kebangsaan yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan akan beransur-ansur menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Malahan Laporan Rahman Talib cuba bertegas dalam pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan. Menerusi peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961, Menteri telah diberikan kuasa untuk menukar sesbuah SRJK(C) dan SRJK(T) kepada SRK pada bila-bila masa. Dalam usaha mengintegrasikan hubungan kaum melalui penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan, maka peruntukan Seksyen 21(2) tersebut dianggap sebagai mempunyai kewajaran untuk merealisasikan matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan. Akan tetapi, peruntukan tersebut telah ditentang bukan sahaja oleh Dong Jiao Zong dan Hua Tuan, tetapi juga parti politik Cina seperti Gerakan dan DAP. Malah MCA yang menyokong kuat Akta Pelajaran 1961 pada asalnya juga turut membantah seksyen tersebut sehingga menjadi isu politik yang hangat dalam pilihan raya. Oleh sebab itu, usaha kerajaan itu akhirnya telah mengalami kegagalan apabila peruntukan tersebut dimansuhkan.

Pengekalan sekolah vernakular dalam sistem pendidikan kebangsaan telah meletakkan asas yang kukuh dalam membuka peluang kepada SRJK(C) untuk mempertahankan kedudukan dan status quonya yang sah. Ia telah menjadi sumber tawar-menawar dalam percaturan politik negara. Kerajaan telah mendapati sukar

untuk menghapuskan sistem persekolahan majmuk yang bercorak perkauman itu. Dong Jiao Zong dan Hua Tuan bertegas menolak konsep bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan. Mereka menentang sebarang usaha untuk merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menukar SRJK(C) dan SRJK(T) kepada SRK. Mentaliti inilah yang sentiasa mendasari perjuangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Pendirian ini telah menjadi punca utama kepada segala perselisihan dan konflik di antara Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dengan pihak kerajaan berhubung dengan isu SRJK(C) sepanjang pelaksanaan Akta Pelajaran 1961. Ada kalanya isu bahasa dan pendidikan Cina ini menjadi agak kontroversi dan sensitif sehingga menimbulkan ketegangan antara kaum.

Bahasa Kebangsaan disasarkan sebagai wahana utama untuk menyatupadukan pelbagai latar belakang etnik, bahasa, dan budaya seperti di Malaysia. Dalam konteks membina perpaduan di kalangan rakyat sejak dari bangku sekolah rendah lagi, pelbagai dasar dan rangka tindakan yang strategik telah digubal dan dicadangkan untuk merealisasikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan tidak melihatkan satu persinambungan yang lancar. Timbul kontradiksi di antara aspirasi negara yang mahu melihat bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama bagi semua institusi pendidikan dengan tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua

Tuan untuk mengekalkan identiti dan status quo SRJK(C) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Selaras dengan peruntukan Akta Pelajaran 1961, kerajaan sememangnya mengambil berat tentang pembangunan SRJK(C) yang merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Dari segi peruntukan kewangan bagi maksud pengurusan, bantuan kerajaan jelas disalurkan kepada semua sekolah rendah termasuk SRJK(C), sama ada yang bertaraf **bantuan penuh** mahupun bertaraf **bantuan modal**. Bantuan kewangan dalam bentuk per kapita adalah diberikan dengan kadar yang sama dan mengikut bilangan murid yang berdaftar di sekolah sebagai kriterianya. Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan yang diberikan kepada SRJK(C) **bantuan modal** tidak dapat disamakan dengan SK/SRK yang merupakan komitmen dan tanggungan kerajaan sepenuhnya di bawah dasar pendidikan kebangsaan. Ini kerana kebanyakan hak milik tanah SRJK(C) adalah bukan milik Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun demikian, Dong Jiao Zong, Hua Tuan dan Lembaga Pengelola SRJK(C) **bantuan modal** tetap menuntut layanan yang sama rata seperti yang dinikmati oleh sekolah **bantuan penuh**. Ironinya ialah mereka enggan menyerahkan kuasa autonomi SRJK(C) terutamanya hak milik tanah sekolah kepada kerajaan.

Kementerian Pendidikan juga peka terhadap pembangunan SRJK(C). Peruntukan pembangunan telah disalurkan kepada SRJK(C) untuk tujuan penyelenggaraan bangunan, pembiayaan projek gantian bangunan serta

penambahan bilik darjah mengikut keperluan dan berdasarkan kedudukan kewangan negara. Dari segi pembinaan sekolah baru, memang diakui bahawa Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada penubuhan Sekolah Kebangsaan yang dapat memenuhi kehendak rakyat berbilang kaum dan aspirasi perpaduan nasional. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna Kementerian Pendidikan mengabaikan keperluan SRJK(C). Sejak tahun 1960, sebanyak 69 buah SRJK(C) yang baharu telah diluluskan dan dibina di seluruh negara. Ini menunjukkan memang bukan menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk membezakan di antara SK dengan SRJK.

Akan tetapi, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan mendesak kerajaan supaya membina SRJK(C) mengikut keperluan. Bagi SRJK(C) yang menghadapi kekurangan murid pula, mereka merayu kepada kerajaan supaya membenarkan sekolah terbabit dipindah ke tempat yang lebih strategik bagi mengelakkan ia tertutup. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan telah mencadangkan untuk mengelompokkan sekolah rendah pelbagai aliran yang kurang murid di dalam satu komplek yang berkonsepkan Sekolah Wawasan. Sekolah Wawasan dianggap oleh kerajaan sebagai penjana dan instrumen terbaik bagi melahirkan anak bangsa Malaysia yang bersatu padu dan lebih bersifat cintakan negara. Kementerian Pendidikan telah berkali-kali menegaskan penubuhan Sekolah Wawasan bukan bertujuan untuk menghapuskan identiti dan entiti SRJK(C) dan SRJK(T).

Sungguhpun parti-parti komponen BN termasuk MCA, Gerakan dan MIC telah menerima konsep Sekolah Wawasan, namun Dong Jiao Zong dan Hua Tuan tetap menentang gagasan tersebut dengan alasan ia bermatlamat untuk merealisasikan matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan. Mereka mendesak Kementerian Pendidikan supaya membatalkan rancangan Sekolah Wawasan dan digantikan dengan Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan 1986 yang dipercayai dapat menjamin identiti dan status quo SRJK(C). Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan bukan sahaja tidak berganjak malah bertegas untuk meneruskan rancangan itu tanpa penyertaan SRJK(C).

Berhubung dengan latihan perguruan pula, Kementerian Pendidikan juga bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih di semua sekolah rendah termasuk SRJK(C). Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai langkah yang membina seperti mengambil guru kontrak dan guru sandaran tanpa latihan, mengadakan KDC, membina lebih banyak maktab perguruan, memendekkan tempoh latihan perguruan dan mengambil guru pelatih dua kali setahun. Kelonggaran juga diberikan kepada guru sandaran untuk mengikuti kursus di maktab perguruan seperti mengadakan KDC, syarat umur dari kelayakan akademik minimum dilonggarkan serta UKELP dikecualikan.

Bagi kes kekurangan guru terlatih di SRJK(C), beberapa keistimewaan telah diberikan. Antara lain termasuklah meningkatkan unjuran pengambilan guru pelatih bagi Kursus Pengajian Cina, melonggarkan syarat kepujian dalam mata

pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Cina di peringkat SPM serta mengadakan temuduga terbuka secara “*walk-in*”. Selain itu, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran kelas Bahasa Cina di sekolah menengah juga dipertingkatkan melalui pertambahan peruntukan dan bilangan guru terlatih serta kemasukan kelas Bahasa Cina ke dalam jadual waktu sekolah. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bilangan calon yang mencukupi mengikut unjuran untuk mengikuti Kursus Pengajian Cina setiap tahun kerana kaum Cina amat tidak berminat pada profesion keguruan.

Tegasnya, adalah tidak adil dan munasabah untuk mendakwa Kementerian Pendidikan tidak mengambil berat tentang masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C). Walau bagaimanapun, perlanjutan masalah tersebut telah mengakibatkan rasa tidak senang hati di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Justeru itu, dengan tidak mengambil kira kepentingan dan matlamat dasar pendidikan kebangsaan, Dong Jiao Zong telah mengemukakan pelbagai cadangan kepada Kementerian Pendidikan. Ini termasuk mengiktiraf kelayakan Sijil Peperiksaan Bersama SMPC dan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar bagi Kursus Pengajian Cina. Kementerian Pendidikan telah menolak tuntutan mereka yang ternyata bertentangan dengan hasrat dan aspirasi dasar pendidikan kebangsaan serta polisi Kementerian Pendidikan.

Lembaga Pengelola dianggap sebagai lambang autonomi dan identiti SRJK(C). Kementerian Pendidikan sememangnya mengiktiraf peranan dan

sumbangan yang diberikan oleh Lembaga Pengelola dalam membantu hal pengurusan dan pentadbiran SRJK(C). Seperkara perlu ditonjolkan ialah semenjak pelaksanaan Skim Aziz, Lembaga Pengelola tidak lagi berkuasa dalam soal perlantikan serta hak menamatkan khidmat kaki tangan sekolah. Begitu juga geran per kapita yang dibayar ke sekolah-sekolah, pembayaran gaji kepada guru diurus dan diselenggarakan oleh kerajaan pusat. Sungguhpun demikian, Lembaga Pengelola SRJK(C) yang bertaraf **bantuan penuh** masih memainkan peranan penting dalam kutipan wang bagi projek peningkatan kemudahan sekolah. Sementara di SRJK(C) **bantuan modal**, Lembaga Pengelola berkuasa penuh untuk mentadbir tabung Lembaga itu sendiri, serta hal pengurusan bangunan dan tapak sekolah.

Sungguhpun terdapat peruntukan Seksyen 26A(1) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan tarikh dan cara bagaimana Lembaga Pengelola dibubarkan, namun kuasa perundangan itu tidak pernah digunakan oleh kerajaan. Ini menunjukkan sikap liberal dan toleransi serta ketidaksungguhan kerajaan ke arah pembubaran Lembaga Pengelola terutamanya di SRJK(C). Walaupun begitu, kewujudan Seksyen 26A(1) tersebut telah menimbulkan kegusaran di kalangan Lembaga Pengelola SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka sentiasa berjaga-jaga dan berusaha dengan pelbagai strategi dan perantaraan untuk mendesak kerajaan memansuhkan seksyen berkenaan demi mempertahankan status quo Lembaga Pengelola yang menjadi lambang autonomi dan identiti SRJK(C).

Kajian ini juga mendedahkan kekusutan yang diakibatkan oleh pelaksanaan dasar pendidikan yang berhubung dengan SRJK(C). Dong Jiao Zong dan Hua Tuan menganggap SRJK(C) yang menyediakan pendidikan asas dalam bahasa ibunda sebagai asas dan jiwa kepada kebudayaan, identiti dan maruah kaum Cina di negara ini. Oleh itu, penghapusan SRJK(C) serta pertukaran bahasa pengantar dari bahasa Cina kepada bahasa kebangsaan dianggap sebagai mempunyai implikasi yang serius dan negatif terhadap status, maruah dan identiti kaum Cina. Pendirian mereka yang tidak mengambil kira kepentingan soal identiti nasional itu telah merumitkan usaha kerajaan untuk mengintegrasikan hubungan kaum melalui penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan.

Semenjak pelaksanaan Akta Pelajaran 1961, matlamat akhir untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan termasuk sekolah rendah sentiasa mendapat tentangan daripada pemimpin SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Isu pokok yang diperdebatkan ialah Seksyen 21(2) Akta pelajaran 1961. Pemimpin-pemimpin negara dari semasa ke semasa telah memberi jaminan bahawa SRJK(C) dan SRJK(T) akan dibenarkan kekal secara berterusan atas kehendak masyarakat Cina dan India. Namun peruntukan Seksyen 21(2) masih terus menjadi satu punca utama yang menimbulkan kegusaran di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka merasa sangat khuatir terhadap kedudukan semasa dan masa hadapan SRJK(C) yang tidak terjamin. Pandangan dan perasaan ini menjadi lebih

tegak apabila terdapat pemimpin politik dan akademik yang mencadangkan secara langsung atau tidak langsung supaya SRJK(C) dan SRJK(T) ditukarkan menjadi SK/SRK, ataupun menuduh bahawa kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) sebagai asas penghalang kepada integrasi nasional.

Sungguhpun kuasa perundangan itu tidak pernah digunakan, namun ia masih tidak dapat menghapuskan kebimbangan di kalangan para pejuang pendidikan Cina dalam Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka selalu mempunyai prasangka dan syak wasangka terhadap tiap-tiap langkah kerajaan dalam bidang pendidikan. Apa sahaja yang dilakukan kerajaan sering tidak mendapat persetujuan. Begitulah reaksi Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap dasar pendidikan seperti Kurikulum 3M, penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah, PSI, perlantikan guru penolong kanan serta guru bahasa di SRJK(C). Mereka mendakwa kerajaan berniat untuk menghapuskan SRJK(C) melalui pelaksanaan dasar-dasar pendidikan berkenaan. Untuk meredakan rasa tidak senang hati, Kementerian Pendidikan akhirnya bertolak ansur pada tuntutan dan kehendak mereka, walaupun tujuan dasar-dasar pendidikan berkenaan adalah semata-mata untuk mencapai perpaduan nasional dan mengintegrasikan SRJK(C) ke dalam arus perdana pendidikan kebangsaan.

Tegasnya, ternyata wujud satu ‘*siege mentality*’ terhadap isu pendidikan serta “*credibility gap*” atau “*credibility crisis*” terhadap kerajaan di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Dengan suasana yang demikian,

sebarang cadangan yang akan atau mungkin mengubah susunan yang sedia ada akan disyaki dan dipandang dengan “*reservation*”, sungguhpun cadangan tersebut mempunyai merit ataupun kebaikan dari segi konsep dan teorinya.

Pelaksanaan Kurikulum 3M di sekolah rendah adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira di kalangan murid-murid. Sungguhpun ia hanya merupakan perubahan kurikulum yang bersangkut paut dengan aspek pedagogi di dalam bilik darjah dan langsung tidak menyentuh tentang bahasa pengantar sekolah, namun Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dengan sokongan MCA, Gerakan dan DAP telah mendakwa program tersebut sebagai suatu muslihat tersembunyi kerajaan untuk mengalihbahaskan SRJK(C). Dua alasan yang dikemukakan ialah semua bahan panduan dan rujukan dalam Kurikulum 3M adalah disediakan dalam bahasa kebangsaan, kecuali mata pelajaran bahasa, serta 50% lagu dalam Pendidikan Muzik adalah lagu orang Melayu dan selebihnya adalah lagu terjemahan daripada lagu orang Melayu.

Pemimpin UMNO telah mengecam pendirian mereka itu sebagai suatu sikap ketidakakuratan kepada dasar pendidikan kebangsaan. Desakan dan bantahan mereka akhirnya telah mengakibatkan Kementerian Pendidikan bertolak ansur dengan kehendak dan tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terutamanya dari segi penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran murid-murid dalam bahasa pengantar sekolah, serta penerimaan lagu-lagu Cina sebagai bahan Pendidikan Muzik bagi SRJK(C). Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan bertegas

untuk menyediakan bahan panduan dan rujukan guru dalam bahasa kebangsaan, selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan.

Penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah juga menimbulkan kontroversi dan pergolakan hangat. Dong Jiao Zong dan Hua Tuan menyifatkan arahan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan sebagai suatu usaha untuk mengubah ciri SRJK(C). Mereka enggan akur kepada arahan itu dan melancarkan tentangan. Akibatnya, Kementerian Pendidikan berkompromi dengan memberikan kelonggaran kepada SRJK(C) untuk menggunakan bahasa pengantar sekolah dalam mengendalikan perhimpunan dan majlis rasmi sekiranya guru besar tidak fasih dalam bahasa kebangsaan.

Bantahan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap PSI juga tidak kurang hebatnya. Pada dasarnya PSI yang bertujuan untuk memupuk perpaduan di kalangan murid-murid di peringkat sekolah rendah melalui kegiatan ko-kurikulum mendapat sokongan padu daripada para pemimpin UMNO, sarjana dan pelajar Melayu. Akan tetapi, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan begitu lantang menentang program itu dengan alasan kononnya ia boleh menjelaskan kuasa autonomi dan status quo SRJK(C). Bantahan mereka dengan serta merta mendapat reaksi yang senada daripada MCA dan DAP. Kementerian Pendidikan sekali lagi bertolak ansur dengan membuat beberapa pindaan, antaranya ialah menukar nama PSI kepada Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan, menjamin penggunaan bahasa pengantar sekolah masing-masing dalam kegiatan bersama,

menghadkan jenis kegiatan ko-kurikulum serta menyekat kuasa Badan Penyelaras.

Sensitiviti Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap pemeliharaan kedudukan dan identiti SRJK(C) ditambah lagi dengan isu perlantikan pentadbir kanan dan penempatan guru bahasa di SRJK(C). Dong Jiao Zong dan Hua Tuan begitu bersungguh-sungguh mempertahankan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam semua hal pengurusan dan pentadbiran di SRJK(C), kecuali pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Mereka bertegas menolak konsep bahasa kebangsaan di SRJK(C). Justeru itu, perlantikan pentadbir kanan SRJK(C) tanpa kelayakan bahasa Cina serta penempatan bilangan guru bahasa yang berlebihan telah dinilai sebagai titik tolak peralihan bahasa pengantar SRJK(C).

Penentangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dengan sokongan kuat daripada DAP, Gerakan dan MCA telah mencetuskan suatu kontroversi yang hangat sehingga menimbulkan suasana ketegangan kaum. Pemuda UMNO telah menilai tentangan mereka itu sebagai suatu tindakan yang bersifat perkauman dan anti dasar pendidikan kebangsaan. Walau bagaimanapun, kerajaan akhirnya bertolak ansur pada desakan dan tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan bagi mengelakkan ketegangan dan kekecohan di dalam negeri. Kementerian Pendidikan telah menggariskan formula yang menetapkan semua pentadbir kanan di SRJK(C) mesti mempunyai kelayakan formal dalam bahasa Cina kecuali

jawatan penolong kanan ko-kurikulum yang dilonggarkan kepada guru yang berpengetahuan dan menguasai bahasa Cina dengan baik. Sementara Kementerian Pendidikan bersetuju untuk memindahkan guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina yang berlebihan di SRJK(C) ke SRK/SK. Sekali lagi Kementerian Pendidikan bertolak ansur.

Untuk menjamin kelangsungan status quo SRJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah melancarkan gerakan yang tidak putus-putus untuk memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Ketidakpuasan hati Dong Jiao Zong dan Hua Tuan juga dikumandangkan bukan sahaja oleh parti pembangkang kecinaan seperti DAP, malahan parti-parti dalam BN khususnya MCA dan Gerakan. Dalam hal ini, penglibatan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dalam MPAP telah mencetuskan kemelut yang hebat. Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim telah menyelar mereka sebagai golongan pelampau yang tidak bertanggungjawab dan biadab kerana menentang dasar pendidikan kebangsaan, menolak bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama serta agama Islam sebagai konsep utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sungguhpun pertelagahan terbuka berlaku, tuntutan mereka tetap berhasil apabila MPAP mencadangkan kepada kerajaan untuk memansuhkan Seksyen 21(2) tersebut. Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim, seorang pembela bahasa kebangsaan dan pendukung kuat dasar pendidikan kebangsaan sejak tahun 1960-an telah berganjak dari mempertahankan Seksyen

21(2) Akta Pelajaran 1961. Beliau bersetuju memansuhkannya tanpa perbincangan terbuka oleh masyarakat umum. Ia dilakukan secara pentadbiran.

Semasa penggubalan Akta Pendidikan 1996 bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961, kerajaan Malaysia juga menunjukkan sikap prihatin, liberal dan terbuka dengan mengambil kira aspirasi, kepentingan dan sensitiviti semua kaum di Malaysia. Akta Pendidikan 1996 telah digubal dengan mengetepikan kehendak Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Di bawah Akta Pendidikan 1996 ini, konsep sistem pendidikan kebangsaan tidak lagi hanya berteraskan bahasa dan sekolah kebangsaan tetapi kini meliputi semua peringkat persekolahan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat tinggi dan semua institusi pendidikan yang dibiayai oleh kerajaan dan swasta dalam pelbagai bahasa pengantar. Akta Pendidikan 1996 juga telah memberi perakuan dan perlindungan undang-undang bagi mengekalkan status quo SRJK(C) dan SRJK(T) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Malahan peruntukan Seksyen 21(2) dan Seksyen 26(A) Akta Pelajaran 1961 juga telah dimansuhkan. Ini membuktikan keikhlasan kerajaan untuk tidak menghapuskan SRJK(C) dan SRJK(T), melainkan sekolah-sekolah yang melanggar peraturan dan sekatan.

Sebagai jaminan tambahan kepada pengekalan status quo dan identiti SRJK(C) dan SRJK(T), Akta Pendidikan 1996 telah memperakukkan bahawa Menteri boleh menukuhan dan menyelenggarakan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan serta memperuntukkan supaya Lembaga Pengelola

SRJK(C) dan SRJK(T) tidak dibubarkan. Tegasnya kedudukan dan status semua SRJK(C) dan SRJK(T) sudah termaktub dalam undang-undang negara.

Dalam isu pendidikan, Dong Jiao Zong ternyata merupakan organisasi yang peranannya begitu signifikan dalam mempertahankan identiti dan status quo SRJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dong Jiao Zong amat berpengaruh dan dianggap jaguh dalam mewakili kepentingan SRJK(C). Selaras dengan peranannya sebagai kumpulan pendesak utama dalam masyarakat Cina, Dong Jiao Zong telah berusaha gigih untuk mempertahankan status quo SRJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pelbagai strategi telah diatur dan dilaksanakan sepanjang perjuangannya. Misalnya, membuat kenyataan akhbar, menghantar delegasi, mengadakan majlis forum, seminar dan dialog. Bagaimanapun, strategi yang paling popular sekali ialah penganjuran perhimpunan dan penghantaran memorandum. Pendekatan ini sering dapat menarik perhatian dan mencapai suatu konsensus di kalangan komuniti Cina terhadap isu-isu bahasa dan pendidikan Cina, di samping mewujudkan suasana politik yang mempengaruhi pembentukan polisi kerajaan.

Selain itu, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan juga menggunakan pilihan raya umum sebagai suatu tekanan politik ke atas kerajaan BN supaya melayan dan menerima tuntutan mereka. Sebagai contohnya, pelancaran Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong dan Suqiu telah mengakibatkan kerajaan BN rasa keutuhannya tercabar dan tertekan. Atas pertimbangan kepentingan politik

terutamanya meraih sokongan pengundi bukan Melayu, parti tunggak dalam BN iaitu UMNO terpaksa bertolak ansur dan tunduk kepada tuntutan mereka. Suatu khususnya yang menyentuh soal hak dan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera dan mencabar keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan kontrak sosial juga diterima secara prinsip bagi mengelakkan kehilangan sokongan undi daripada masyarakat bukan Melayu.

Akhirnya, pendidikan dan bahasa sememangnya merupakan satu isu politik yang menyerap ke dalam semua lapisan masyarakat Malaysia. Ia bukan sahaja menimbulkan perdebatan hangat antara kaum, tetapi juga mengakibatkan perpecahan di kalangan masyarakat berbilang etnik. Masalah yang wujud ini telah menyebabkan kerajaan membekukan sementara usaha ke atas pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan. Boleh dijangkakan bahawa isu pendidikan Cina terutama SRJK(C) akan terus menjadi topik perdebatan yang hangat dalam masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk. Perjuangan untuk memastikan kelangsungan dan kesinambungan struktur dan sistem SRJK(C) yang sedia ada di dalam sistem pendidikan kebangsaan tetap merupakan agenda utama Dong Jiao Zong khasnya dan Hua Tuan amnya. Tegasnya, penentangan yang ditunjukkan oleh Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan di SRJK(C) masih menjadi salah satu penghalang kepada usaha kerajaan untuk merealisasikan integrasi nasional di bawah satu bumbung persekolahan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal.